

# Mahkamah kekal 8 Dis. keputusan rayuan Najib

UM

- 25/11/2021


m/s: 12

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**  
utusannews@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Mahkamah Rayuan di sini semalam mengarahkan semua pihak yang terlibat dalam rayuan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam kes membabitkan penyelewengan dana RM42 juta syarikat SRC International Sdn. Bhd. untuk hadir pada prosiding yang akan dijalankan pada 8 Disember depan.

Ia selepas mahkamah terbabit tidak membenarkan permohonan yang dikemukakan oleh firma guaman yang wakili Ahli Parlimen Pekan itu, Tetuan Shafee & Co untuk menangguhkan tarikh tersebut ke 13 Disember atau mana-mana tarikh yang difikirkan sesuai.

Perkara tersebut dinyatakan dalam surat yang ditan-datangani Timbalan Pendaf-tar Mahkamah Rayuan, Mohd. Khairi Haron dan dibuat salin-kan kepada firma terbabit, pihak pendakwa, Najib dan dua penjaminnya. Satu salinan surat tersebut turut dilihat oleh media semalam.



**NAJIB TUN RAZAK**

Kelmarin, Shafee & Co memo-hon agar tarikh keputusan rayuan tersebut ditangguhkan ke-rana Najib pada tarikh tersebut berada dalam kuarantin sendiri selepas pulang dari Singapura

melawat anak perempuannya yang baru bersalin awal bulan lalu.

Menurut surat firma itu, Najib akan pulang ke Kuala Lumpur pada 5 Disember dan akan

terus berada dalam kuarantin sehingga 12 Disember ini.

Pada 23 November lalu, Mahkamah Rayuan melalui surat Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah, Istana Kehakiman memaklumkan pihak-pihak bahawa panel tiga hakim yang diketuai Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil dan bersidang bersama-sama Hakim Datuk Has Zanah Mehat dan Hakim Datuk Vazeer Alam Mydin Meera akan membuat keputusan berhubung rayuan Najib itu pada pukul 9 pagi, 8 Disember ini.

Dalam prosiding rayuan berkenaan, Najib diwakili peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah manakala Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V. Sithambaram pula bertindak bagi pihak pendakwa.

Panel terbabit telah mende-ngar rayuan Najib berhubung sabitan salah dan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta selepas didapati bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International selama 15 hari di antara 5 April dan 15 Mei lalu.